



Kepada
Semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Semua Ahli Dewan Negeri,
Semua Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL. 4 TAHUN 2011**

**PINDAAN KEPADA PARA 6.1 (B) PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 9 TAHUN 2011**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling bertujuan untuk membuat pindaan kepada Para 6.1 (B), Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2011 mengenai penggunaan peruntukan tambahan bagi pelaksanaan projekprojek kecil dan program mesra rakyat.



2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 31/2011 yang diadakan pada 28 September 2011, setiap AMMKN dan ADN diluluskan peruntukan tambahan masing-masing berjumlah **RM200,000** dan **RM100,000**.
- 2.2 Peruntukan ini disediakan bagi memudahkan semua AMMKN dan ADN menjalankan projek-projek kecil bagi meningkatkan infrastruktur awam atau infrastruktur asas, sumbangan kemasyarakatan, sumbangan kecemasan dan program Mesra Rakyat di kawasan masing-masing.

3.0 PINDAAN

- 3.1 Bagi melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Surat Pekeliling Perbendaharaan ini meminda Para 6.1(B), Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2011 seperti berikut:

Penggunaan peruntukan ini adalah seperti berikut:

Sumbangan kemasyarakatan, sumbangan kecemasan dan program Mesra Rakyat boleh dilaksanakan dengan syarat jumlah keseluruhan program tidak melebihi 50 peratus daripada jumlah peruntukan yang disalurkan.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini berkuat kuasa pada 1 November 2011 dan tertakluk kepada prosedur kewangan serta lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah, 



(DATO' MOHD/ARIF BIN AB. RAHMAN)

D.S.I.S, J.M.N. S.I.S. A.M.N. A.M.S

**Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan**

Tarikh:  November 2011